


Waspada beli barang dalam talian elak ditipu

06 Ogos 2019 9:37 PM



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL (lima dari kiri) dan Pengarah Kolej Vokasional Sungai Buloh, Ahmad Abdul Razak (tiga dari kanan) bersama penerima zakat korporat ketika hadir pada Majlis Perasmian Penutupan 1st Student Entrepreneurship Programme di Kolej Vokasional Sungai Buloh, Selangor hari ini. – BERNAMA

SHAH ALAM 6 Ogos - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada ketika membeli barangan secara dalam talian berikutan meningkatnya kes penipuan seumpama itu.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, ia juga susulan daripada peningkatan jumlah pendaftaran syarikat e-dagang di negara ini.

“Dalam tempoh Jan hingga Jun lepas, kementerian menerima 11,393 kes membabitkan pelbagai aduan daripada rakyat.

“...dan daripada jumlah itu, 25.7 peratus merupakan aduan berkaitan penipuan traksaksi secara dalam talian yang mana ia merupakan aduan kedua tertinggi selepas aduan berkaitan harga barang,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan penutupan program keusahawanan pelajar di Kolej Vokasional Sungai Buloh di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha KPDNHEP merangkap Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Datuk Muez Abd. Aziz.

Sauddin Nasution berkata, selain laman web, rata-rata pembeli juga cenderung untuk membeli barangan tertentu menerusi laman sosial seperti Facebook yang dilihat lebih memudahkan mereka.

“Sebab itu kita menasihatkan pembeli supaya lebih berhati-hati sekiranya mahu membuat transaksi secara dalam talian bukan sahaja kepada syarikat tetapi juga menerusi individu yang menjual barangan dengan cara itu.

“Bagi mengelakkan menjadi mangsa (penipuan), pembeli digalakkan menyemak profil syarikat yang menjual barang itu terlebih dahulu menerusi web rasmi KPDNHEP. Mana-mana penjual yang berdaftar dan mendapat pensijilan Biztrust adalah yang boleh diyakini,” katanya. - BERNAMA

